

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASA]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**TUAN TEO KOK SEONG minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan**

- (a) Jumlah peruntukan Kerajaan Pusat yang telah diberikan kepada NGO atau persatuan di Negeri Sembilan yang aktif menjalankan aktiviti kemasyarakatan seperti menguruskan pusat penjagaan warga tua, orang kurang upaya dan golongan kurang berkemampuan; dan

- (b) Mengapakah masih banyak pusat penjagaan orang kurang upaya dan pusat penjagaan orang tua di Negeri Sembilan mengadu masih tidak menerima bantuan daripada Kerajaan Pusat.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberi Bantuan Kewangan Kerajaan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang memberikan perkhidmatan penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar JKM iaitu Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Kanak-Kanak.

Tujuan pemberian bantuan ini adalah untuk menampung sebahagian kos yang ditanggung oleh PSK dalam menyediakan perkhidmatan kepada kumpulan sasar JKM. Bantuan ini adalah berbentuk Geran Rangsum (makan minum), Geran Pentadbiran, Elaun Khas Murid OKU, Geran Perkapita dan Geran Pembaikan.

Pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan kepada PSK adalah berasaskan Garis Panduan Pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan yang telah ditetapkan. PSK yang layak diberi pertimbangan adalah seperti berikut

:

- i. Berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (kategori Kebajikan Masyarakat) atau di bawah Undang-Undang Tubuh lain (*Memorandum of Articles - Kebajikan Masyarakat*);
- ii. Pertubuhan bertaraf tempatan;
- iii. Pertubuhan yang bercorak kebajikan (*welfare-related*) yang mengendalikan program berbentuk pencegahan, pemulihan, penjagaan, perlindungan dan pembangunan bagi kumpulan sasaran di bawah tanggungjawab dan fungsi Jabatan;
- iv. Berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 bagi yang mengendalikan program institusi berkediaman atau Pusat Jagaan Harian;

- v. Program dan aktiviti PSK adalah selaras dengan dasar dan objektif jabatan; dan
- vi. Telah beroperasi selama tiga (3) tahun dan ke atas.

Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang tidak layak diberi pertimbangan adalah seperti berikut :

- i. Tidak berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan atau undang-undang tubuh yang lain;
- ii. Bersifat keuntungan (seperti mengenakan bayaran secara tetap kepada perkhidmatan yang disediakan);
- iii. Program atau aktiviti bercanggah dengan perlembagaan PSK berkenaan atau undang-undang Malaysia;
- iv. Pertubuhan Politik atau orang perseorangan;

- v. Pertubuhan yang telah dibatalkan pendaftaran oleh Pendaftar Pertubuhan atau Undang-undang tubuh yang lain; dan
- vi. Menjalankan program di luar dari bidang tugas Jabatan.

Sehingga Jun 2016, sebanyak **14** buah PSK di Negeri Sembilan telah menerima Bantuan Kewangan Persekutuan sebanyak **RM823,600**.